

Bahagian C

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kelebihan-kelebihan penerapan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan dunia, sistem pendidikan di Malaysia turut mengalami transformasi agar setanding dengan pendidikan pada peringkat global. Kini, terdapat perubahan baharu dalam dunia pendidikan negara, iaitu penerapan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Transformasi pendidikan yang berkonsepkan KBAT ini berupaya untuk melahirkan murid-murid yang mampu membuat penaaakulan bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menerapkan unsur KBAT sangat penting diajar di dalam bilik darjah. Guru-guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran, iaitu tidak terhad kepada buku teks dan lembaran kerja sahaja tetapi menggunakan peta pemikiran *i-Think* semasa sesi pengajaran. Pengajaran guru menjadi lebih menyeronokkan dan mudah difahami oleh murid. Dalam hal ini, KBAT boleh diaplikasikan melalui sesi soal jawab.

Seterusnya, murid juga bebas untuk menjelaskan sebab dan akibat mengikut pandangan mereka sendiri melalui pengaplikasian KBAT ini. Kelebihan lain ialah murid dapat meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada. Mereka akan dapat mengawal, memandu dan mengukur pembelajaran yang telah dikuasai. Di samping itu, murid meningkatkan sikap ingin tahu, berani mencuba dan mampu belajar secara aktif.

Akhirnya, proses pembelajaran menjadi lebih mantap apabila murid berjaya menerapkan unsur KBAT dalam bentuk lisan dan penulisan. Pada masa yang sama, pendekatan KBAT yang meliputi kerja lapangan di luar bilik darjah dapat melibatkan murid-murid bekerjasama dalam kumpulan untuk mencari dan mengumpulkan data mentah secara saintifik, iaitu melalui teknik temu bual, soal selidik atau pemerhatian. Sesungguhnya, penerapan unsur KBAT dalam PdPc ialah usaha untuk memperkasakan pendidikan negara ke arah menjanakan pemikiran global.

Dipetik dan diubah suai daripada
'KBAT Pendidikan Abad ke-21'
oleh Nur Hidayah Ismail
Pelita Bahasa, Mac 2015

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

_____ patah perkataan.